

Industri koperasi dijangka raih laba RM45b

Kelana Jaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) optimis industri koperasi tempatan mampu mencatatkan prospek lebih baik pada

ABDUL Fattah



2018 dan dijangka menjana pendapatan melebihi RM45 bilion menjelang hujung tahun ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, keyakinan itu berdasarkan kepada jangkaan persekitaran ekonomi lebih baik, nilai ringgit kukuh dan peningkatan harga sawit.

“Selain faktor di atas, prospek ini turut dipacu perkembangan gerakan koperasi yang mencatatkan pertambahan jumlah dan inisiatif yang diberikan kerajaan kepada sektor koperasi tempatan,”

katanya pada sidang media isu Kempen Anti Minyak di sini, semalam.

Pada tahun

lalu, industri koperasi tempatan mencatatkan pendapatan semasa RM41 bilion melebihi sasaran ditetapkan iaitu RM40 bilion berbanding RM39 bilion pada 2016.

Beliau berkata, kerajaan memberi perhatian serius kepada industri koperasi tempatan dan komited memastikan gerakan koperasi Malaysia memiliki daya saing tinggi untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, kerajaan melalui Angkasa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menjalinkan kerjasama untuk memastikan pembabitan lebih banyak koperasi dalam perniagaan berimpak tinggi tahun ini.

“Kerajaan fokus kepada

penggabungan aktiviti kewangan yang diuruskan koperasi kredit bagi membolehkan ia diseragamkan dan dapat diuruskan dengan lebih baik,” katanya.

Mengulas perancangan lain pada 2018, Abdul Fattah berkata, pihaknya memberi perhatian kepada perniagaan baru seperti tenaga solar dan pembabitan aktiviti hiliran serta meneroka peluang perniagaan baru termasuk pemasaran produk di pasaran antarabangsa melalui kerjasama kerajaan.

“Selain itu, kami jadikan 2018 sebagai tahun digital kepada gerakan koperasi tempatan untuk memastikan ahli koperasi tidak ketinggalan menceburi perniagaan berimpak tinggi termasuk e-dagang,” katanya.